

25 JUN 1998

Mahathir-Buku

BUKU MAHATHIR MERANGKUMI LIMA ESEI TERMASUK MENGENAI DEB

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 25 Jun (Bernama) -- Buku Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertajuk "The Way Forward", yang akan dilancarkan di sini pada 7 Julai dengan kehadiran Baroness Thatcher, ialah kumpulan lima esei yang disusun dalam naskhah 133 mukasurat.

Daripada kesemuanya, esei yang paling penting sekali ialah mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mengandungi catatan mengenai pembangunan Malaysia pada dekad lepas, walaupun kini DEB tidak banyak diperkatakan lagi.

Buku itu memuatkan sejarah Malaysia termasuk peristiwa rusuhan kaum pada Mei 1969, yang menurut Dr Mahathir kejadian itu berpunca daripada dasar pecah dan perintah kerajaan penjajah British menyebabkan orang Melayu dan Cina "tidak tahu satu sama lain".

Peristiwa itu telah membangkitkan kesedaran para pemimpin Perikatan dan pembangkang bahawa ketidakseimbangan ekonomi antara kaum menjadi punca kepada hubungan buruk dan mereka sependapat bahawa perbezaan kaum, bahasa dan budaya tidak sepatutnya menjadi penghalang dalam menyamaratakan kedudukan rakyat.

Menurut Dr Mahathir DEB bukan untuk membezakan pengagihan kekayaan antara kaum sebaliknya ia bertujuan memberi pengagihan yang sama rata kepada setiap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum.

Dalam bukunya itu, Dr Mahathir berkata walaupun DEB tidak dapat sepenuhnya mengetepikan perbezaan ekonomi antara Bumiputera dan bukan Bumiputera, sekurang-kurangnya ia berjaya merapatkan jurang yang ada antara mereka.

Penyusunan semula masyarakat Malaysia masih belum berakhir walaupun DEB tamat pada 1990 dan digantikan dengan Dasar Pembangunan Negara (DPN), dengan tumpuan kini lebih kepada kualiti berbanding kuantiti.

Dr Mahathir berkata walaupun kini semakin banyak Bumiputera kelas pertengahan, pengagihan itu masih belum sempurna dengan kebanyakan taman perumahan kelas pertengahan dimiliki bukan Bumiputera.

"Dari segi perumahan, ekuiti masih belum dicapai," katanya dalam memperkatakan mengenai pertumbuhan dan ekuiti.

Dr Mahathir juga menjelaskan tujuan utama DEB dan DPN:

"Dasar itu, yang diperbaiki untuk disesuaikan dengan keadaan politik dan ekonomi negara, akan terus dilaksanakan sehingga masyarakat Bumiputera dan bukan Bumiputera tidak lagi merasa bimbang antara satu sama lain dan mencapai perpaduan sejati Bangsa Malaysia, atau negara Malaysia yang rakyatnya pelbagai kaum bersatu padu dan bersepadu, hidup dalam harmoni dan menerima perkongsian yang adil sepenuhnya."

Buku "The Way Forward" didapati berbeza dengan buku "The Malay Dilemma" tetapi masih lagi mengekalkan beberapa perkara yang sama.

Dalam buku ini, Dr Mahathir berkata beliau berazam untuk menghasilkan kejayaan untuk rakyat dan Malaysia menerusi Wawasan 2020, yang antara lain akan menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Buku itu turut mengandungi catatan mengenai para pemimpin Malaysia sebelum ini iaitu Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak.

Apa yang nyata, buku terbitan Weidenfeld & Nicolson itu mewakili pendapat dan pandangan seorang Perdana Menteri Malaysia yang paling berjaya setakat ini.

"The Way Forward" menampilkan pendapat dan falsafah beliau serta penilaiannya terhadap pencapaian dirinya setakat ini.

--BERNAMA
WAH NAK